



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 58 / 2020

19,010 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) SABAH KE-16 DIKELUARKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **19,010 kertas undi pos** bagi PRU DUN Sabah Ke-16. Pengeluaran kertas undi pos bermula dari **14 sehingga 16 September 2020** dan dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di **semua 73 kawasan DUN**.
2. Kesemua **19,010** undi pos tersebut terdiri daripada **17,257** kategori **Borang 1A (petugas pilihan raya)**, **81 Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**, **78** undi pos bagi kategori **Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)** dan **1,594** kategori **Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan)**.
3. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil calon daripada **semua parti atau individu yang bertanding**.
4. SPR juga telah menjemput pemerhati-pemerhati yang telah dilantik untuk menyaksikan proses pengeluaran kertas undi pos tersebut.
5. Proses pengeluaran kertas undi pos bagi PRU DUN Sabah Ke-16 ini telah disiarkan secara *live streaming* di *Facebook* SPR bagi tujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman masyarakat awam mengenai proses pilihan raya.

6. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang pengisytiharan identiti (Borang 2) yang disertakan, serta segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus DUN berkenaan **sebelum jam 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **26 September 2020 (Sabtu)**.

7. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

IKMALRUDIN BIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 17 September 2020 / 29 Muharam 1442H